

# PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN

Skor

/100

## KERTAS 1

Masa: 1 jam 15 minit

**Arahan:** Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Jawab semua soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C,** dan **D.** Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1. Apakah badan perakaunan yang ditubuhkan untuk membentuk dan menerbitkan piawaian laporan kewangan dan perakaunan di Malaysia?  
**A** Badan Profesional  
**B** Badan Penggubal Piawaian  
**C** Institut Akauntan Malaysia  
**D** Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
2. Apakah medium yang digunakan untuk merekod data urus niaga sebelum 2 300 S.M.?  
**A** Kain  
**B** Kulit  
**C** Papyrus  
**D** Tanah liat
3. Pada 1 Januari 2017, bangunan yang dibeli dalam tahun 2024 masih direkodkan dalam buku syarikat berasaskan kos belian. Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi?  
**A** Prinsip kos  
**B** Prinsip ketekalan  
**C** Andaian usaha berterusan  
**D** Andaian tempoh perakaunan
4. Padanan manakah yang betul tentang syarat-syarat pendaftaran koperasi?

Koperasi	Anggota koperasi
I Asas	Sekurang-kurangnya dua orang individu
II Asas	Sekurang-kurangnya seratus orang individu
III Menengah	Sekurang-kurangnya dua koperasi asas
IV Atas	Sekurang-kurangnya tiga koperasi menengah

- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

5. Manakah merupakan hasil operasi perniagaan?  
**A** Sewa diterima  
**B** Jualan barang niaga  
**C** Faedah simpanan tetap  
**D** Untung daripada jualan kenderaan
6. Maklumat berikut merupakan ciri-ciri komponen dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

- Sukar ditukar menjadi tunai
- Dimiliki bukan bertujuan untuk dijual
- Boleh digunakan untuk jangka masa yang panjang

Butir manakah yang menepati ciri-ciri tersebut?

- I Inventori  
II Premis  
III Kenderaan  
IV Inventori alat tulis
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

7. Padanan manakah yang betul?

	Butir	Kesan
I	Ambilan	Kurangkan ekuiti pemilik
II	Untung bersih	Tambahkan ekuiti pemilik
III	Simpanan tetap	Kurangkan ekuiti pemilik
IV	Pinjaman bank	Tambahkan ekuiti pemilik

- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV



8. Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perniagaan Syarikat Zenith.

**LEJAR BELIAN**  
Triz Trading

	RM		RM
Mei 11 Bank	1 360	Mei 1 Baki b/b	1 650
Diskaun diterima	240	8 Belian	2 250
14 Pulangan belian	700		
31 Kontra Baki h/b	310		
	<u>1 290</u>		
	<u>3 900</u>		<u>3 900</u>
		Jun 1 Baki b/b	1 290

**LEJAR JUALAN**  
Triz Trading

	RM		RM
Mei 1 Baki b/b	460	Mei 1 Bank	940
12 Jualan	1 030	Diskaun diberi	60
		20 Pulangan jualan	180
		31 Kontra	310
	<u>1 490</u>		<u>1 490</u>

Apakah yang dimaksudkan dengan catatan kontra dalam Akaun Triz Trading?

- A Memindahkan baki Lejar Belian ke Lejar Jualan sebanyak RM700
  - B Memindahkan baki Lejar Jualan ke Lejar Belian sebanyak RM700
  - C Memindahkan baki Lejar Belian ke Lejar Jualan sebanyak RM310
  - D Memindahkan baki Lejar Jualan ke Lejar Belian sebanyak RM310
9. Raccona Trading menjalankan urus niaga secara kredit dengan Syarikat Lagenda. Aliran dokumen manakah yang berlaku dalam urus niaga tersebut?
- A Katalog → Invois → Borang pesanan → Resit
  - B Borang pesanan → Katalog → Invois → Resit
  - C Borang pesanan → Katalog → Resit → Invois
  - D Katalog → Borang pesanan → Invois → Resit

10. Diskaun tunai diberi untuk
- A menarik lebih ramai pelanggan
  - B mengelakkan berlakunya hutang lapuk
  - C menggalakkan pembeli membayar segera
  - D menggalakkan pembeli membeli secara pukal
11. Dialog berikut berlaku di antara Yvonne dan Puan See mengenai dokumen perniagaan.

Yvonne : Puan See, invois dari syarikat kami telah tertinggal caj angkutan.

Puan See : Adakah pembetulan akan dibuat pada invois yang sama?

Yvonne : Tidak, kami akan hantar satu dokumen yang lain untuk menambahkan jumlah bayaran yang terkurang caj.

Apakah dokumen yang akan dihantar oleh Yvonne?

- A Memo
  - B Invois
  - C Nota Debit
  - D Bil Bayaran
12. Dokumen manakah yang dikategorikan sebagai dokumen bukan sumber perniagaan?
- I Penyata Bank
  - II Penyata Akaun
  - III Makluman Debit
  - IV Makluman Kredit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
13. Catatan dalam Jurnal Am termasuklah
- I Belian kredit
  - II Ambilan tunai
  - III Modal tambahan
  - IV Ambilan barang niaga
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan IV
  - D III dan IV
14. Jurnal Pulangan Belian berikut diperolehi daripada Kedai Lena pada 31 Mei 2024.

**Jurnal Pulangan Belian**

Tarikh	Butir	Jumlah
2024		<b>RM</b>
Mei 3	Marlinda	1 350
22	Chong Wei	1 180
31	X	2 530



**Kertas 2**

Masa: 2 jam 30 minit

**Bahagian A**

[60 markah]

Jawab **semua** soalan.

1. (a) Nyatakan prinsip dan andaian perakaunan yang diamalkan bagi setiap situasi di bawah:
- (i) Sewa belum terperoleh dan gaji belum bayar diambil kira oleh Syarikat Tian Ming untuk menentukan keuntungan tempoh kewangan itu.
  - (ii) Perniagaan yang dimulakan oleh Nayaranan akan terus beroperasi untuk suatu tempoh masa yang tidak tetap.
  - (iii) Aspek yang dapat dinilai sahaja akan direkodkan, aspek seperti pengalaman pekerja, kejujuran dan keberkesanan pengurusan tidak dapat direkod.

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

Pemilik Kedai Elektrik Azrin mengambil sebuah peti sejuk berkos RM3 280 daripada inventornya untuk kegunaan keluarga.

(i) Namakan Buku Catatan Pertama yang digunakan untuk merekod urus niaga tersebut.

(ii) Nyatakan akaun yang didebit dan dikreditkan untuk urus niaga tersebut.

[3 markah]

- (c) Catatkan urus niaga berikut di dalam Jurnal Am (abaikan keterangan).

Membeli alat tulis bernilai RM380 secara kredit daripada Syarikat Li.

[2 markah]

- (d) Berikut ialah butir yang diambil daripada buku Syarikat Tenaga Matahari.

Kos jentera	RM25 680
Jangka usia kegunaan	6 tahun
Nilai skrap	RM1 230

Berapakah susut nilai tahunan jentera Syarikat Tenaga Matahari?

[2 markah]



2. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku Syarikat Globe pada 30 April 2024.

**Imbangan Duga pada 30 April 2024**

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Mesin (Kos)	25 500	
Susut nilai terkumpul mesin		7 650
Pinjaman bank		15 000
Modal		75 000
Ambilan	2 850	
Bank	27 990	
Inventori awal	15 270	
Belian dan jualan	36 900	85 500
Pulangan masuk dan pulangan keluar	510	960
Angkutan masuk	900	
Angkutan keluar	2 340	
Insurans atas belian	1 110	
Alat tulis	420	
Duti import	1 350	
Upah	2 400	
Insurans	2 700	
Iklan	16 500	
Belanja am	2 340	
Kadar bayaran	810	
Telefon dan pos	1 020	
Gaji	17 010	
Diskaun	540	
Sewa	18 210	
Bayaran peguam	1 320	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	24 000	17 880
	<u>201 990</u>	<u>201 990</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 April 2024 berjumlah RM3 560.
- (ii) Insurans sebanyak RM2 700 itu adalah untuk setahun yang berakhir pada 31 Oktober 2024.
- (iii) Alat tulis yang belum digunakan dinilai pada RM110.
- (iv) Gaji belum bayar pada 30 April 2024 berjumlah RM150.
- (v) Peruntukan susut nilai mesin hendaklah dibuat dengan kadar 10% setahun atas kos. Mesin bernilai RM25 500 itu termasuk RM3 600 yang dibeli pada 31 Disember 2023.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 April 2024 [15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2024 [10 markah]